

# PM yakin PTP mampu jadi hab logistik terbaik dunia

**ISKANDAR PUTERI:** Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) yang merupakan anak syarikat Kumpulan MMC bakal terus memacu perkembangan sektor logistik dan pelabuhan di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perkara itu terbukti dengan kejayaan pelabuhan itu mencapai kedudukan sebagai pelabuhan ke-15 paling sibuk di dunia.

“Dahulu, saya beri sokongan kuat kepada pembinaan pelabuhan ini, saya bersyukur dan berasa bangga dengan pencapaian yang telah diraih pelabuhan ini sekarang.

“Walaupun dengan adanya pengurusan yang baik, cekap

dan mantap, tetap tidak mungkin tercapai kejayaan seperti ini tanpa adanya komitmen daripada kakitangan.

“Jadi, saya berharap sekiranya PTP meraih keuntungan, jangan lupa untuk diagih-agihkan kepada pekerja,” katanya pada Majlis Ramah Mesra Bersama Perdana Menteri di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP), dekat sini semalam.

Yang turut hadir Pengerusi Yayasan Albukhary, Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary dan Pengarah Urusan Kumpulan MMC Corporation Berhad, Tan Sri Che Khalib Mohamad Noh.

Perdana Menteri berharap PTP akan terus meningkatkan

lagi kedudukannya, sekali gus menjadi pelabuhan terbaik di peringkat global, khususnya di rantau ini.

Sementara itu, Che Khalib Mohamad Noh dalam satu kenyataan memberitahu, pihaknya akan melabur RM26 bilion dalam tempoh lima tahun akan datang bagi membina pelbagai pembangunan di Sungai Pulai, di sini.

“MMC juga akan membangunkan sebuah ‘Green Fuel Terminal’ bagi pembekalan metanol untuk industri perkapalan. Ini merupakan suatu inisiatif yang selari dengan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR).

“Selain memiliki kemudahan bertaraf dunia, PTP juga telah menjadi titik rujukan bagi industri maritim serantau.

“Ini melibatkan pelbagai bidang lain, termasuk kelestarian, pendigitalan melalui *Internet of Things* (IoT), inisiatif pemeraksanaan tenaga kerja wanita serta penyediaan latihan vokasional dan teknikal industri.

“PTP merupakan hab bagi pemindahan kontena paling sibuk di Malaysia, meliputi 1,900 ekar (760 hektar) kawasan terminal dan 1,600 ekar (640 hektar) kawasan zon bebas yang menyediakan perkhidmatan kepada syarikat perkapalan utama global,” jelasnya.